

"Saya terlepas tangan isteri namun sempat terjun ke sungai untuk menariknya, tapi gagal. Selepas itu, saya beberapa kali terjun ke dalam sungai untuk mencari isteri

Mohd Rizal Mat Desa

HARIAN METRO

Tangan isteri terkapai-kapai

Lapan hanyut dibawa kepala air ketika memancing bawah jambatan



PASUKAN penyelamat berusaha mencari mangsa dikhuatiri lemas, di Jalan Hj Baie Kampung Paya Jaras, malam tadi.

Jumpa seorang mangsa

Sungai Buloh: Dua wanita antara lima pemancing dikhuatiri lemas selepas dihanyutkan kepala air ketika memancing di Sungai Gasi jam 5 petang berhampiran Kem Paya Jaras Markas Angkatan Tentera Malaysia, Rejimen Perhubungan Strategik di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Sungai Buloh Superintendan S Somu berkata, pihaknya menerima tiga laporan dibuat tiga mangsa lelaki berusia 30 hingga 50 tahun yang terselemat dalam kejadian itu.

Katanya, dua daripada mereka memaklumkan mereka berkunjung ke lokasi itu bersama isteri masing-masing berusia 30 dan 48 tahun serta dua rakan yang juga anak beranak berusia 37 dan 14 tahun sebelum dihanyutkan arus deras sungai berikutan air pasang.

"Pada masa sama, seorang lelaki Indonesia yang turut terselamat memaklumkan seorang rakannya hilang dalam kejadian itu," kata

nyama, semalam.

Somu berkata, berdasarkan maklumat awal pihaknya dimaklumkan ada beberapa kumpulan lain pemancing yang berada di lokasi berkenaan.

"Kami dimaklumkan ada sekumpulan pemancing warga asing juga berada di lokasi berkenaan dan diperkaya turut dikhuatiri lemas.

"Kerja mencari dan menyelamat dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor dijalankan untuk mengesan mangsa," katanya.

Katanya, sehingga jam 10 malam tadi seorang mangsa lelaki ditemui tujuh kilometer dari lokasi kejadian.

Beliau berkata, orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung ahli keluarga mereka yang keluar memancing di daerah ini namun belum pulang ke rumah diminta menghubungi polis untuk membantu mengesan mangsa.

Mohd Hasbi Sidek dan Kalbana Perimbanayagam am@hmetro.com.my

Sungai Buloh

"Saya nampak tangan isteri terkapai-kapai meminta tolong, saya terjun semula ke dalam air namun gagal menyelamatkannya kerana arus deras," kata Mohd Rizal Mat Desa, 31, menceritakan kejadian isterinya dihanyutkan di Sungai Gasi berhampiran

ran Kem Paya Jaras Markas Angkatan Tentera Malaysia, Rejimen Perhubungan Strategik, Sungai Buloh di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 5 petang itu, lima individu termasuk isteri dan ibu saudara Mohd Rizal dikhuatiri lemas selepas dihanyutkan arus sungai ketika memancing.

Mohd Rizal berkata, isterinya Shilawati Zailan, 31, bersungguh-sungguh mahu memancing semalam namun dia tidak sedap hati.

"Saya dari Klang, manakala isteri datang lebih awal bersama makcik (Jaleha Hashim, 53) dan pak cik (Svamsul Azhar, 32) untuk memancing di bawah jambatan.

"Kami duduk di tebing di bawah jambatan bersama beberapa pemancing lain yang tidak dikenali. Tiba-tiba arus deras, kepala air menerpa tanpa sempat berbuat apa-apa," katanya, semalam.

Mohd Rizal ber-



kata, mereka beramai-ramai berpaut pada pokok, namun seorang demi seorang pemancing dihanyutkan arus malah dia sempat memegang isterinya.

"Saya terlepas tangan isteri namun sempat terjun ke sungai untuk menariknya, tapi gagal. Selepas itu, saya beberapa kali terjun ke dalam sungai untuk mencari isteri.

"Saya turut berjalan ke hilir sungai sehingga badan lemas," katanya.

Sementara itu, saksi kejadian Ahmad Nizam Abdul Kadir, 45, berkata, penduduk di kawasan berkenaan tidak memancing di situ dan

mangsa terbabat mungkin berasal dari luar.

"Seorang penduduk melihat mangsa dihanyutkan, tetapi tidak dapat berbuat apa-apa kerana kedalaman air hampir tiga meter," katanya.

Katanya, hujan lebat pada malam kelmarin menyebabkan paras air di sungai berkenaan meningkat.

Sehingga jam 9 malam tadi tiada mangsa ditemui dan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bersama polis membuka pusat operasi tujuh kilometer dari lokasi yang juga perangkap sampah dekat Kampung Paya Jaras.

MOHD Rizal



Mangsa letupan tong dram di Kampung Baru Tebing Tembah. Paka di sini, meninggal dunia semalam selepas empat hari bertarung nyawa.

Muhammad Salehuddin Mohd Noor, 26, yang melecir di seluruh badan menghembuskan nafas terakhir jam 5.30 pagi. Mangsa disahkan me-

Dungun

Mangsa letupan tong dram meninggal dunia

inggal dunia disebabkan melecir teruk ketika mendapat rawatan di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Kuala Terengganu.

Dalam kejadian 15 Februari lalu, mangsa cedera ketika memotong tong

dram berisi alkohol yang meletup secara tiba-tiba, jam 11.40 pagi.

Mangsa yang berasal dari Negeri Sembilan dikejarkan ke Hospital Dungun sebelum dihanjar ke HSNZ untuk rawatan.

Ketua Polis Daerah Dungun Superintendan Baharudin Abdullah ketika dihubungi berkata, jenazah dituntut keluarganya sebelum dibawa ke kampung halaman untuk dikuburkan.

>>KRONOLOGI KES PEMANCING LEMAS

5 Jun 2017

Mayat mangsa lemas, Faizal Mokhtar, 47, yang hilang selepas terjatuh daripada bot ketika memancing di Sungai Pahang pada 3 Jun ditemui terapung di Kampung Pasir Panjang, Bera.

28 Julai 2017

Anggota polis Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang, Amer Nur Rashid Abdul Rashid lemas selepas bot memancing yang dinaikinya bersama sembilan lagi rakan terbalak dalam perjalanan ke Pulau Pasir Putih, Empangan Semenyih jam 11 malam.

5 September 2017

Seorang remaja lelaki, Mohamad Rizuwan Mohamad Yazid, 18, lemas ketika memancing di lombong di Kamunting, Perak

15 November 2017

Dua beradik, Muhammad Solehudin Mohd Nasir dan kakaknya, Ainul Batriyah yang masing-masing berusia enam dan 10 tahun lemas selepas tergelincir ke dalam kolam tadahan air ketika memancing di Kampung Padang Lalang di Bahau, Negeri Sembilan.

18 November 2017

Dua rakan, Muhammad Faliq Fadzil, 26, dan Amirul Asyraf Abdullah, 24, lemas selepas bot yang disewa untuk memancing di Sungai Perak, Lenggong karam selepas terlanggar tunggul kayu.

11 Disember 2017

Seorang lelaki mati lemas selepas terjatuh dari bot ketika memancing di kawasan muara Kuala Kedah pada 9 Disember. Mangsa, Lam Yat Seng memancing di kawasan pelantar ikan sebelum berlaku air pasang jam 2 pagi.

14 Disember 2017

Seorang kanak-kanak berusia 12 tahun, Muhammad Fareezuan Anuar hilang selepas terjatuh ketika memancing di Kampung Sungai Makmur, Plentong di Johor Bahru pada 12 Disember lalu. Mayat mangsa ditemui pasukan mencari dan penyelamat 10 kilometer dari lokasi mangsa terjatuh.